

D. PENGESAHAN PEMOHON

Saya dengan ini mengesahkan bahawa :-

1. Jumlah potongan gaji saya adalah tidak melebihi 60% daripada emolumen saya.
2. Jika permohonan saya ini diluluskan dan pemotongan bayaran ansuran dibuat, ianya adalah tidak mendatangkan kesulitan kepada saya.
3. Saya adalah **BEBAS** dari sebarang tindakan tatatertib atau jenayah.
4. Saya adalah **TIDAK**, ditahan kerja / digantung kerja / dalam proses dibuang kerja / mempunyai masalah hutang yang serius / muflis / dikenakan tindakan muflis ke atas saya/ mohon berhenti kerja semasa membuat permohonan ini.
5. Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di dalam penyata ini adalah benar serta lengkap.

Saya juga dengan ini mengesahkan bahawa :-

☐

Saya mewakili pihak Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad untuk bertindak sebagai agen bagi menyempurnakan pembelian komoditi secara murabahah daripada KPDRM

☐

Saya mewakili pihak Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad untuk bertindak sebagai agen bagi menyempurnakan penjualan komoditi yang berkaitan dengan pembiayaan yang saya pohon ini.

Sila Tandakan (✓)

Tandatangan

Nama :

No. Polis / KP :

Tarikh

--	--	--	--	--	--

E. PENGESAHAN KETUA JABATAN (Ketua Jabatan / Pegawai Pemerintah / Ketua Polis Daerah / Ketua Formasi/ Ketua Bahagian)

Ulasan dan pengesahan : -----
Yang Benar,

Tandatangan & Cop

Nama :

No. Polis / KP :

No. Telefon

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tarikh

--	--	--	--	--	--

F. SOKONGAN / SAKSI (Anggota Lembaga KPDRM / *Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah)

(* hendaklah AJKKD di daerah di mana pemohon bertugas)

Ulasan dan pengesahan : -----
Yang Benar,

Tandatangan & Cop

Nama :

No. Polis / KP :

No. Telefon

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tarikh

--	--	--	--	--	--

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Perincian Pembiayaan :

Jumlah Pembiayaan : RM _____

Tempoh : _____ bulan

Ansuran : RM _____ sebulan

Catatan :

(Proses Oleh)

(Semakan Oleh)

(KBK / KPE)

PERJANJIAN PEMBIAYAAN
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

SATU PERJANJIAN PEMBIAYAAN (selepas ini disebut sebagai "**Perjanjian ini**") dibuat padatahun di antara **KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (No. Koperasi: 74/1925)**, sebuah koperasi yang berdaftar di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di **NO. 1, JALAN SULAIMAN, 50000 KUALA LUMPUR** (selepas ini disebut sebagai "**Koperasi**") bagi satu pihak DAN pihak yang Nama dan Nombor Kad Pengenalan / Kad Kuasa Polis adalah seperti di Jadual Pertama / Borang Permohonan Pembiayaan yang dilampirkan (selepas ini di rujuk sebagai "**Pelanggan**") bagi pihak yang lain.

BAHAWASANYA,

Atas permohonan Pelanggan, Koperasi bersetuju memberi Pembiayaan dan Pelanggan bersetuju menerima pembiayaan tersebut dan beraku janji untuk membayar kepada Koperasi secara bayaran tertangguh mengikut jumlah dan tempoh serta lain-lain syarat dan terma di dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI bahawa :-

1. KONSEP

Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip Murabahah melalui aturan Tawarruq (dual wakalah) di mana Koperasi akan menjual komoditinya seperti di Jadual Kedua kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah dengan Harga Jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara bayaran tertangguh. Berdasarkan kontrak Dual Wakalah, Koperasi bertindak sebagai agen belian (mewakili pelanggan) untuk membeli komoditi tersebut daripada KPDRM. Seterusnya, Koperasi mewakili pelanggan sekali lagi sebagai agen jualan untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

2. HARGA JUALAN TERTANGGUH & REBAT (IBRA')

Harga Jualan Tertangguh (selepas ini disebut "**Bayaran Ansuran**") adalah seperti di Jadual Pertama Ceraian A1/A2. Koperasi atas budi bicaranya boleh mempertimbangkan pemberian rebat (ibra') ke atas Harga Jualan Tertangguh mengikut budibicara Koperasi kepada pelanggan yang membuat penjelasan awal.

3. HARGA BELIAN TUNAI

Harga Belian Tunai oleh Koperasi ialah seperti di Jadual Pertama Ceraian A1/A2 .

4. BAYARAN ANSURAN & GANTIRUGI LEWAT BAYAR (TA'WIDH)

- (a) Pelanggan bersetuju dan berakujani akan membayar Bayaran Ansuran mengikut cara dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di Jadual Pertama Ceraian A1/A2.
- (b) Sekiranya Pelanggan gagal membuat pembayaran setiap bulan atau mana-mana bayaran yang perlu dibuat pada atau sebelum tarikh bayaran tersebut perlu dibuat, Pelanggan perlu membayar ganti rugi kepada Koperasi pada kadar yang telah ditetapkan oleh Koperasi seperti berikut:-

(I) Semasa Tempoh Kemudahan

(i) Sebelum Penamatan Kemudahan

Pada kadar kerugian sebenar tidak melebihi satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak di bawah Kemudahan.

(ii) Bermula Sewaktu Tarikh Penamatan Kemudahan Sehingga Tarikh Penghakiman

Pada kadar kerugian sebenar tidak melebihi satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah baki tertunggak Harga Jualan Murabahah.

(iii) Selepas Penghakiman

Pada kadar kerugian sebenar tidak melebihi kadar semasa semalaman harian Islamic Interbank Money Market (IIMM) ke atas jumlah penghakiman daripada tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

(II) Selepas Tamat Tempoh Kemudahan

Pada kadar kerugian sebenar yang akan dikira bermula daripada tarikh keingkaran pembayaran iaitu selepas tarikh matang Kemudahan pada kadarnya tidak melebihi kadar semasa semalaman harian Islamic Interbank Money Market (IIMM) ke atas baki tertunggak Harga Jualan Murabahah.

- (c) Selanjutnya dipersetujui bahawa ganti rugi tidak akan dikompaun.

- (d) Ganti rugi pada kadar yang tersebut di atas hendaklah dibayar oleh pelanggan selepas dan jugasebelum apa-apa penghakiman atau perintah mahkamah.

5. POTONGAN GAJI

- (a) Selaras dengan Klausa 4 di atas, Pelanggan bersetuju memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk menguruskan Bayaran Ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada Koperasi.
- (b) Kuasa yang diberi untuk memotong gaji tidak boleh ditarik balik dan hanya akan luput apabila jumlah Harga Jualan Tertangguh Bayaran Balik dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini diselesaikan sepenuhnya.
- (c) Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan hendaklah membuat bayaran Ansuran Bulanan sendiri terus kepada Koperasi sekiranya potongan gaji Pelanggan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji sehingga potongan gaji Pelanggan boleh dikuatkuasa.

6. KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN / KEMATIAN / BERHENTI KERJA / MUFLIS

- (a) Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Ansuran sebagaimana Klausa 4 di atas, Koperasi berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dan menuntut baki jumlah Harga Jualan Tertangguh dan dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini dengan memotong daripada Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- (b) Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, baki Bayaran Ansuran akan diperoleh dari Modal Yuran / Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki akan ditolak dari Wang Tabung Pembiayaan atau lain-lain mekanisma yang diguna pakai oleh Koperasi.
- (c) Sekiranya Pelanggan berhenti kerja/ditamatkan perkhidmatan/menjadi muflis atau di atas sebab-sebab lain, maka Koperasi berhak untuk mendapatkan baki Bayaran Ansuran berserta yuran guaman, duti setem atau sebarang fi/kos yang berkaitan (jika ada) dengan memotong Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan
- (d) Hak menuntut oleh KPD, sejajar dengan Seksyen 6 Akta Had Masa 1953, akan bermula sehari selepas surat notis penamatan Perjanjian ini dikeluarkan kepada Pelanggan dan tidak akan dikira dari tempoh sebarang tuntutan dibuat ke atas tunggakan bayaran dan / atau sebarang jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian ini.

7. KETERANGAN MUKTAMAD

Satu Penyata Akaun yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh mana-mana Pegawai yang diberi kuasa oleh Koperasi adalah merupakan dan dianggap sebagai satu keterangan yang muktamad dan konklusif terhadap bukti keberhutangan oleh Pelanggan dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.

8. PINDAAN

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa dan budi bicara untuk mengubah, menambah atau mengurangkan apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini tertakluk kepada sebarang garis panduan dan ketetapan Syariah atau peruntukan yang dikeluarkan oleh SKM.

9. NOTIS

- (a) Semua penghantaran notis-notis tuntutan dan sebagainya hendaklah dihantar melalui Pos Biasa kepada alamat-alamat yang terkandung di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan dan di dalam hal ini penyerahan notis tersebut adalah dianggap sebagai diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan.
- (b) Jika dalam mana-mana prosiding Mahkamah, maka dengan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa segala surat cara termasuk Writ Saman boleh diserahkan secara Pos Berdaftar kepada alamat-alamat yang ternyata di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan.

.....(t/tangan pelanggan)

10. PENUKARAN ALAMAT

Alamat-alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini adalah tetap dan Pelanggan hendaklah memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari secara bertulis kepada Koperasi daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat. Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberi notis penukaran alamat, Koperasi hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir dan/atau nombor yang terdapat dalam rekod Koperasi.

11. PENGIKATAN

Perjanjian ini adalah mengikat sebagai satu perjanjian berterusan terhadap Pelanggan, Waris-waris Sah, dan/atau Pentadbir mereka di mana liabiliti di bawah Perjanjian ini adalah berterusan terhadap mana-mana jumlah yang ternyata di dalam Penyata Akaun yang tersebut sebelum ini.

12. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Pelanggan bersetuju untuk Koperasi mengumpul data peribadi Pelanggan dan digunakan/diproses antara lain bagi tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan oleh Koperasi, subsidiari Koperasi, syarikat sekutu Koperasi, rakan kerjasama Koperasi atau mana-mana pihak ketiga yang Koperasi fikirkan sesuai dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pelanggan dengan pihak-pihak sepertimana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan membolehkan Koperasi menghantar maklumat kepada Pelanggan melalui notis, panggilan telefon, SMS, e-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Koperasi akan terus mengawal data peribadi Pelanggan dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sepanjang tempoh bayaran, Pelanggan boleh menarik balik persetujuan ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Koperasi.

13. SYARAT-SYARAT AM

- Pada setiap masa, Perjanjian ini adalah satu perjanjian di antara Koperasi dan Pelanggan tertakluk kepada syarat-syarat yang ternyata di sini dan dipersetujui dan diakui bahawa Jadual-Jadual kepada Perjanjian ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi mengakses / mengemuka / menzahirkan segala data pelanggan dari / kepada mana-mana sistem rujukan maklumat kredit untuk tujuan pembiayaan ini.
- Pelanggan bersetuju bahawa Koperasi dibenar menyerahkan hak atau memasuki surat ikatan penyerahan hak dengan mana-mana Institusi Kewangan tanpa memperoleh kebenaran daripada Pelanggan dan penyerahan hak ini tidak akan menjejaskan kesahihan Perjanjian ini. Dalam hal ini, sekiranya Koperasi tidak lagi mempunyai kedudukan / nilai Usaha Berterusan (Going Concern), Pelanggan beraku janji untuk memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk membuat pembayaran ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada institusi kewangan yang mana berkaitan sehinggalah baki Harga Jualan Tertanggung dijelaskan sepenuhnya.
- Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan masih mempunyai hutang yang tertunggak atas apa apa sebab sekalipun, Koperasi berhak menyenaraikan butiran keberhutangan berkenaan ke dalam mana-mana sistem rujukan hutang elektronik awam. Kos menyenarai dan / atau menyah-senarai di dalam sistem ini adalah tanggungan Pelanggan.
- Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa segala keterangan yang dinyatakan di Borang Permohonan Pembiayaan dan Jadual-Jadualnya adalah benar dan Koperasi berhak untuk membatalkan Pembiayaan ini sekiranya didapati keterangan atau dokumen sokongan yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar/palsu.
- Segala terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini merupakan bukti konklusif terhadap hubungan kontrak di antara Pelanggan dan Koperasi dan oleh yang demikian, mana-mana perjanjian atau representasi yang dibuat secara lisan adalah dianggap tidak sah melainkan jika dipinda mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini dan kesemua terma dan syaratnya Perjanjian ini hendaklah ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang
- Sebarang kegagalan atau kelewatan melaksanakan mana-mana syarat-syarat dan hak-hak di bawah Perjanjian ini tidak akan merupakan satu pengabaian syarat-syarat dan hak-hak tersebut oleh pihak Koperasi.
- Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini sudah dibaca dan difahamkan segala isi kandungannya.

DITANDATANGANI DI SINI OLEH KEDUA-DUA BELAH PIHAK :-

1 - BAGI PIHAK KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

b/p Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad
Nama :
No. KP :
Cop Rasmi/Jawatan

Tandatangan Saksi Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
Nama :
No. KP :
Cop Rasmi/Jawatan

2 - TANDATANGAN OLEH PELANGGAN (PEMINJAM)

Saksi Pelanggan (Terdiri dari AJKGD/Anggota Lembaga/
Pegawai Polis/Inspektor Atau Lebih Tinggi) :

Tandatangan Pelanggan / Peminjam)
Nama :
No. Polis / KP :
Tarikh :

Tandatangan Saksi
Nama :
No. Polis / KP :
Tarikh :

PEMBIAYAAN PERIBADI - TANPA PENJAMIN

كوفريسي فويس دراج مليسيا برحد

CERAIAN A1

JADUAL PERTAMA

Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad



Jumlah Pembiayaan Dan Bayaran Ansuran

(Jadual Pertama Ini Adalah Sebahagian Dari Perjanjian Pembiayaan Dan Perlu Ditandatangani)

Pembiayaan / Harga Belian	Harga Jualan Tertangguh / Jumlah Ansuran Ansuran Bulanan									
	2.99%		3.60%			3.90%				
	12	24	36	48	60	72	84	96	108	120
Kadar Tempoh (RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
1,000.00	1,029.90	1,059.80	1,108.00	1,144.00	1,180.00	1,234.00	1,273.00	1,312.00	1,351.00	1,390.00
	85.83	44.16	30.78	23.83	19.67	17.14	15.15	13.67	12.51	11.58
5,000.00	5,149.50	5,299.00	5,540.00	5,720.00	5,900.00	6,170.00	6,365.00	6,560.00	6,755.00	6,950.00
	429.13	220.79	153.89	119.17	98.33	85.69	75.77	68.33	62.55	57.92
10,000.00	10,299.00	10,598.00	11,080.00	11,440.00	11,800.00	12,340.00	12,730.00	13,120.00	13,510.00	13,900.00
	858.25	441.58	307.78	238.33	196.67	171.39	151.55	136.67	125.09	115.83
15,000.00	15,448.50	15,897.00	16,620.00	17,160.00	17,700.00	18,510.00	19,095.00	19,680.00	20,265.00	20,850.00
	1,287.38	662.38	461.67	357.50	295.00	257.08	227.32	205.00	187.64	173.75
20,000.00	20,598.00	21,196.00	22,160.00	22,880.00	23,600.00	24,680.00	25,460.00	26,240.00	27,020.00	27,800.00
	1,716.50	883.17	615.56	476.67	393.33	342.78	303.10	273.33	250.19	231.67
25,000.00	25,747.50	26,495.00	27,700.00	28,600.00	29,500.00	30,850.00	31,825.00	32,800.00	33,775.00	34,750.00
	2,145.63	1,103.96	769.44	595.83	491.67	428.47	378.87	341.67	312.73	289.58
30,000.00	30,897.00	31,794.00	33,240.00	34,320.00	35,400.00	37,020.00	38,190.00	39,360.00	40,530.00	41,700.00
	2,574.75	1,324.75	923.33	715.00	590.00	514.17	454.64	410.00	375.28	347.50
35,000.00	36,046.50	37,093.00	38,780.00	40,040.00	41,300.00	43,190.00	44,555.00	45,920.00	47,285.00	48,650.00
	3,003.88	1,545.54	1,077.22	834.17	688.33	599.86	530.42	478.33	437.82	405.42
40,000.00	41,196.00	42,392.00	44,320.00	45,760.00	47,200.00	49,360.00	50,920.00	52,480.00	54,040.00	55,600.00
	3,433.00	1,766.33	1,231.11	953.33	786.67	685.56	606.19	546.67	500.37	463.33
45,000.00	46,345.50	47,691.00	49,860.00	51,480.00	53,100.00	55,530.00	57,285.00	59,040.00	60,795.00	62,550.00
	3,862.13	1,987.13	1,385.00	1,072.50	885.00	771.25	681.96	615.00	562.92	521.25
50,000.00	51,495.00	52,990.00	55,400.00	57,200.00	59,000.00	61,700.00	63,650.00	65,600.00	67,550.00	69,500.00
	4,291.25	2,207.92	1,538.89	1,191.67	983.33	856.94	757.74	683.33	625.46	579.17
60,000.00	61,794.00	63,588.00	66,480.00	68,640.00	70,800.00	74,040.00	76,380.00	78,720.00	81,060.00	83,400.00
	5,149.50	2,649.50	1,846.67	1,430.00	1,180.00	1,028.33	909.29	820.00	750.56	695.00
70,000.00	72,093.00	74,186.00	77,560.00	80,080.00	82,600.00	86,380.00	89,110.00	91,840.00	94,570.00	97,300.00
	6,007.75	3,091.08	2,154.44	1,668.33	1,376.67	1,199.72	1,060.83	956.67	875.65	810.83
80,000.00	82,392.00	84,784.00	88,640.00	91,520.00	94,400.00	98,720.00	101,840.00	104,960.00	108,080.00	111,200.00
	6,866.00	3,532.67	2,462.22	1,906.67	1,573.33	1,371.11	1,212.38	1,093.33	1,000.74	926.67
90,000.00	92,691.00	95,382.00	99,720.00	102,960.00	106,200.00	111,060.00	114,570.00	118,080.00	121,590.00	125,100.00
	7,724.25	3,974.25	2,770.00	2,145.00	1,770.00	1,542.50	1,363.93	1,230.00	1,125.83	1,042.50
100,000.00	102,990.00	105,980.00	110,800.00	114,400.00	118,000.00	123,400.00	127,300.00	131,200.00	135,100.00	139,000.00
	8,582.50	4,415.83	3,077.78	2,383.33	1,966.67	1,713.89	1,515.48	1,366.67	1,250.93	1,158.33
110,000.00	113,289.00	116,578.00	121,880.00	125,840.00	129,800.00	135,740.00	140,030.00	144,320.00	148,610.00	152,900.00
	9,440.75	4,857.42	3,385.56	2,621.67	2,163.33	1,885.28	1,667.02	1,503.33	1,376.02	1,274.17
120,000.00	123,588.00	127,176.00	132,960.00	137,280.00	141,600.00	148,080.00	152,760.00	157,440.00	162,120.00	166,800.00
	10,299.00	5,299.00	3,693.33	2,860.00	2,360.00	2,056.67	1,818.57	1,640.00	1,501.11	1,390.00
130,000.00	133,887.00	137,774.00	144,040.00	148,720.00	153,400.00	160,420.00	165,490.00	170,560.00	175,630.00	180,700.00
	11,157.25	5,740.58	4,001.11	3,098.33	2,556.67	2,228.06	1,970.12	1,776.67	1,626.20	1,505.83
140,000.00	144,186.00	148,372.00	155,120.00	160,160.00	165,200.00	172,760.00	178,220.00	183,680.00	189,140.00	194,600.00
	12,015.50	6,182.17	4,308.89	3,336.67	2,753.33	2,399.44	2,121.67	1,913.33	1,751.30	1,621.67
150,000.00	154,485.00	158,970.00	166,200.00	171,600.00	177,000.00	185,100.00	190,950.00	196,800.00	202,650.00	208,500.00
	12,873.75	6,623.75	4,616.67	3,575.00	2,950.00	2,570.83	2,273.21	2,050.00	1,876.39	1,737.50
160,000.00	164,784.00	169,568.00	177,280.00	183,040.00	188,800.00	197,440.00	203,680.00	209,920.00	216,160.00	222,400.00
	13,732.00	7,065.33	4,924.44	3,813.33	3,146.67	2,742.22	2,424.76	2,186.67	2,001.48	1,853.33
170,000.00	175,083.00	180,166.00	188,360.00	194,480.00	200,600.00	209,780.00	216,410.00	223,040.00	229,670.00	236,300.00
	14,590.25	7,506.92	5,232.22	4,051.67	3,343.33	2,913.61	2,576.31	2,323.33	2,126.57	1,969.17
180,000.00	185,382.00	190,764.00	199,440.00	205,920.00	212,400.00	222,120.00	229,140.00	236,160.00	243,180.00	250,200.00
	15,448.50	7,948.50	5,540.00	4,290.00	3,540.00	3,085.00	2,727.86	2,460.00	2,251.67	2,085.00
190,000.00	195,681.00	201,362.00	210,520.00	217,360.00	224,200.00	234,460.00	241,870.00	249,280.00	256,690.00	264,100.00
	16,306.75	8,390.08	5,847.78	4,528.33	3,736.67	3,256.39	2,879.40	2,596.67	2,376.76	2,200.83
200,000.00	205,980.00	211,960.00	221,600.00	228,800.00	236,000.00	246,800.00	254,600.00	262,400.00	270,200.00	278,000.00
	17,165.00	8,831.67	6,155.56	4,766.67	3,933.33	3,427.78	3,030.95	2,733.33	2,501.85	2,316.67
100.00	102.99	105.98	110.80	114.40	118.00	123.40	127.30	131.20	135.10	139.00
	8.58	4.42	3.08	2.38	1.97	1.71	1.52	1.37	1.25	1.16
500.00	514.95	529.90	554.00	572.00	590.00	617.00	636.50	656.00	675.50	695.00
	42.91	22.08	15.39	11.92	9.83	8.57	7.58	6.83	6.25	5.79

Akujanji Anggota

Saya bersetuju menerima pembiayaan berjumlah seperti di Borang Permohonan Pembiayaan dan berakujanji untuk membayar Jumlah Ansuran (bersamaan Harga Jualan Tertangguh) secara bayaran tertangguh mengikut jumlah bayaran bulanan dan tempoh seperti di Jadual ini.

Nama :

No. Polis :

No. KP :

Tandatangan :

Tarikh :



KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU

Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan EXPERIAN

Pemohon dengan ini membenarkan KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

Pemohon dengan ini membenarkan KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian Information Services Sdn Bhd ("EXPERIAN") dan pelanggan EXPERIAN termasuk Bank / Institusi kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada EXPERIAN bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD / ANGKASA dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun/pinjaman/ Kredit/apa-apa transaksi dengan organisasi.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- Pembukaan akaun
- Penilaian / Pemarkahan kredit,
- Kredit / Semakan akaun - Kredit / Pemantauan akaun
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu,
- Tujuan pemulihan hutang,
- Dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

Tandatangan Pemohon :-

Tandatangan Saksi :-

.....

.....

Nama :

No. Polis / KP :

Tarikh :



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad

No.1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2260 8888 / 8999

Faks : 603-9212 8443

LEMBARAN SEMAKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN (CHECKLIST)

Bagi melicinkan tugas memproses permohonan pembiayaan, pemohon adalah diminta memastikan borang adalah lengkap diisi dan semua dokumen sokongan disertakan dengan berpanduan kepada senarai berikut:-

Sila tandakan (✓) pada ruangan yang berkaitan

1. Bahagian A : Butiran Permohonan ☐
Telah tandakan (✓) jenis pembiayaan dan diisikan jumlah permohonan pembiayaan, tempoh serta tujuan.
2. Bahagian B : Maklumat Pemohon ☐
Maklumat adalah telah dilengkapkan sepenuhnya.
3. Bahagian C : Pengisytiharan Bayaran Ansuran Pembiayaan/Pinjaman Lain ☐
Maklumat adalah telah dilengkapkan sepenuhnya bagi mengesahkan semakan silang silang dengan data kredit dari ANGKASA/EXPERIAN/CCRIS/CTOS.
4. Bahagian D : Pengesahan Pemohon ☐
Sila baca pengakuan sebagaimana di Bahagian D dan turunkan tandatangan bagi mengesahkan pengakuan yang dibuat.
5. Bahagian E : Pengesahan Ketua Jabatan ☐
Sila dapatkan tandatangan pengesahan dan Cop Rasmi dari Ketua Jabatan / Pegawai Pemerintah / Ketua Polis Daerah / Ketua Formasi / Ketua Bahagian / Ketua Cawangan dimana pemohon bertugas. Tanpa tandatangan pengesahan di Bahagian E, permohonan TIDAK akan diproses.
6. Bahagian F : Tandatangan Sokongan / Saksi ☐
Sila dapatkan tandatangan sokongan dari AJKKD di mana anggota/pemohon bertugas.
7. Perjanjian Pembiayaan ☐
Sila baca perjanjian pembiayaan dan seterusnya menurunkan tandatangan dikedua-dua mukasurat dokumen perjanjian tersebut serta dapatkan tandatangan saksi.
8. Sertakan Dokumen Sokongan Yang Berikut:-
 - (i) Penyata / Slip Gaji (3 bulan terkini) ☐
 - (ii) Salinan Kad Kuasa Polis Dan Kad Pengenalan Awam ☐
 - (iii) Borang Opsyen Perkhidmatan (jika berkaitan) ☐
 - (iv) Salinan Muka Hadapan Buku Akaun Bank/Slip ATM/Lain-lain Bukti No. Akaun Bank ☐
 - (v) Surat Baki Hutang Bank/Institusi Kewangan/Koperasi (jika berkaitan) ☐
 - (vi) Ceraian A1/A2 di Jadual Pertama Yang Telah Ditandatangani ☐
(Ceraian A1 bagi pembiayaan peribadi ATAU Ceraian A2 bagi pembiayaan berpenjamin)
 - (vii) Ceraian B (Sila tandatangan dan tuliskan dengan jelas No.Polis, No KP dan tarikh) ☐
9. Surat Jaminan (Pembiayaan Berpenjamin sahaja) ☐
Surat jaminan perlulah diisikan maklumat penjamin serta ditandatangani. Borang tersebut bolehlah disalinkan sekiranya memerlukan lebih dari seorang penjamin.